



# Praktis Ekstra **Bab 2**

1. Padankan tokoh dengan revolusi yang betul dengan menulis **A**, **B** atau **C**.

- A** Revolusi Keagungan
- B** Revolusi Perancis
- C** Revolusi Amerika

George Washington	
Jean Jacques Rousseau	
Mary II dan William of Orange	

2. Padankan tokoh berikut dengan pertubuhan politik yang betul.

- |                  |   |                             |
|------------------|---|-----------------------------|
| Jose Rizal       | • | Katipunan                   |
| Soekarno         | • | Liga Filipina               |
| Ho Chi Minh      | • | Parti Komunis Vietnam       |
| Emilio Aguinaldo | • | Partai Nasionalis Indonesia |

3. Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (X) pada yang **salah** tentang kesedaran nasionalisme di negara kita.

- (a) Sultan Kedah, iaitu Sultan Mahmud Shah menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) untuk mendapatkan semula Pulau Pinang.
- (b) Pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, perjuangan menentang penjajah dilakukan oleh Penghulu Dol Said, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Bahaman.
- (c) Kesedaran nasionalisme melalui Gerakan Islah dipelopori oleh tokoh agama seperti Abdul Rahim Kajai dan Zainal Abidin Ahmad.
- (d) Terdapat pertubuhan sosioekonomi yang dipimpin oleh golongan berpendidikan Inggeris dan Melayu seperti Syed Sheikh al-Hadi dan Haji Abbas Mohd Taha.
- (e) Perjuangan mengkritik penjajah dan menyedarkan masyarakat tetap diteruskan walaupun menghadapi kekangan kewangan, halangan undang-undang dan pengawasan ketat daripada British.

4. Gariskan jawapan yang betul.

- (a) Gerakan (Pan-Islamisme / Revolusi Rakyat) di empayar Uthmaniyah menyedarkan umat Islam untuk bersatu menentang ancaman luar.
- (b) Gerakan Islah di (Indonesia / Mesir) menggesa umat Islam melakukan pembaharuan yang progresif.
- (c) Kejayaan Jepun menewaskan (Amerika / Rusia) membuka mata rakyat tempatan untuk memperjuangkan nasib mereka.
- (d) Kejayaan Revolusi China pimpinan (Dr. Sun Yat Sen / Maharaja Mikado Meiji) menewaskan kerajaan Manchuria dan menubuhkan Republik China telah membangkitkan kesedaran nasionalisme.
- (e) Perjuangan (Muhammad Ali Jinnah / Mahatma Gandhi) di India menentang British tanpa kekerasan menyemarakkan semangat nasionalisme menentang penjajah.
- (f) Perjuangan Jose Rizal di (Filipina / Vietnam) dan Soekarno di Indonesia membangkitkan usaha untuk menentang penjajah di negara kita.

5. Padankan tokoh dengan pertubuhan yang betul.

- A G.V. Thaver
- B Zakaria Gunn
- C Tan Cheng Lock
- D Ibrahim Haji Yaakob
- E Muhammad Rakawi Yusuf
- F Mohammad Eunos Abdullah

Pertubuhan	Tokoh
Kesatuan Melayu Muda	
Kesatuan Melayu Singapura	
Persatuan Melayu Sarawak	
PASPAM (Cawangan Sabah)	
Malayan Indian Association	
Persatuan Orang Cina Peranakan British	